

# TOPIK 5

## PEMBINAAN PERADABAN MAJMUK DI MALAYSIA

# ABSTRAK/SINOPSIS

Peradaban Majmuk di Malaysia adalah gabungan daripada beberapa peradaban besar dunia yang bergaul dan tergarap melalui perjalanan sejarah di Alam Melayu. Pembinaan peradaban ini didahului oleh peradaban Pribumi Alam Melayu, kemudiannya diikuti peradaban Asia, (India, Cina, Timur Tengah), dan seterusnya peradaban Barat. Akhirnya, peradaban ini disambut oleh 'peradaban globalisasi' yang merupakan kacukan pelbagai punca peradaban tanpa sempadan melalui jaringan digital yang kompleks. Pembinaan peradaban yang beridentitikan Malaysia bermula dengan Kemerdekaan 1957 melalui usaha mewujudkan Negara-Bangsa, didahului oleh pembinaan Negara (State) bercirikan satu wilayah, satu perlembagaan dan satu kewarganegaraan. Negara mewujudkan beberapa institusi utama seperti sistem birokrasi negara, Pelan Pembangunan Lima Tahun dan sebagainya. Pembangunan ekonomi mendahului pembinaan Bangsa (Nation). Oleh itu, pembinaan bangsa menyusul, antaranya melalui, institusi sistem politik kepartian dan pilihan raya. Dalam konteks ini telah wujud beberapa "Bangsa Idaman" yang menguasai wacana politik di Malaysia. Usaha membina peradaban beridentitikan Malaysia sangat mencabar dan perlu dikupas dan didebatkan.

# HASIL PEMBELAJARAN DAN OBJEKTIF

## **Objektif:**

- Memahami proses pembinaan negara bangsa Malaysia melalui kepelbagaian peradaban.

## **Hasil Pembelajaran Bab:**

1. Menghuraikan proses pembentukan negara bangsa di Malaysia
2. Menganalisis negara bangsa Malaysia dari perspektif peradaban

# PETA MINDA



# KANDUNGAN KURSUS

1. Sejarah sosial pengaruh peradaban dunia dalam pembinaan negara bangsa
2. Konsep Negara dan Bangsa
3. Konsep dan Pembentukan Negara Bangsa dalam acuan Malaysia
4. Kepelbagaian Idea “Bangsa Idaman” dan perbahasan

# Sejarah sosial pengaruh peradaban dunia dalam pembinaan negara bangsa

- Sejarah di Alam Melayu
  - Peradaban Pribumi Alam Melayu
  - Peradaban Asia (India, Cina, Timur Tengah)
  - Peradaban Barat
  - Peradaban Globalisasi
- Peradaban beridentitikan Malaysia
  - Kemerdekaan 1957 – Negara-Bangsa
  - Pembinaan Negara
  - Pembinaan Bangsa



# Perkembangan Sejarah Alam Melayu

## 1) Zaman Pra Sejarah

- Zaman Paleolitik
- Zaman Mesolitik
- Zaman Neolitik
- Zaman Logam / Gangsa Besi

## 2) Zaman Proto Sejarah

- Kewujudan kerajaan purba / kerajaan awal

- Langkasuka
- Kedah Tua
- Gangga Negara
- Chih-Tu
- Lo-Yueh
- Tan-Tan

## 3) Zaman Pensejarahan

- Kewujudan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka
- Bermula pembentukan masyarakat kepelbagaian - perdagangan
- Kedatangan kuasa penjajah
  - Portugis
  - Belanda
  - British

## 4) Zaman Sejarah Moden

- Merdeka 1957
- Perpaduan – penyatuan
- Ke arah pembinaan negara-bangsa Malaysia

# Peradaban Globalisasi

- “Era dunia tanpa sempadan” telah memungkinkan berlaku interaksi dan jaringan peradaban merentasi benua dan sempadan negara menerusi;
  - Pemodenan dalam pelbagai bidang kehidupan
  - Perkembangan teknologi maklumat dan informasi – Internet, Komputer, SmartPhone
  - Penggunaan media sosial yang berleluasa – Facebook, WhatsApp's, Instagram, Twitter, Telegram dll.
- Peradaban globalisasi membawa pengaruh yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan merentasi bidang politik, ekonomi, sosio-budaya termasuklah perkembangan bidang ilmu dan pemikiran
- Perkembangan peradaban global ini turut menjadi penyumbang kepada pembentukan peradaban majmuk di Malaysia






# Pembentukan Peradaban Majmuk

- Gabungan atau percampuran beberapa peradaban yang membentuk peradaban baru di Tanah Melayu
- Peradaban Melayu menjadi teras kepada peradaban majmuk Malaysia
- Setelah kemasukan para pedagang dari India, China dan Timur Tengah telah membuka ruang interaksi dan jaringan peradaban yang lebih luas di Tanah Melayu
- Kemudiannya disusuli dengan kemasukan kuasa penjajah Barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris telah membawa kepada berlakunya interaksi dan jaringan peradaban yang lebih beragam
- Episod penjajahan Inggeris telah membawa lebih ramai pekerja asing dari India dan China telah memungkinkan berlakunya pengukuhan peradaban India dan Cina
- Hari ini, di era globalisasi telah membawa berlakunya kacukan pelbagai punca peradaban tanpa sempadan melalui jaringan digital yang kompleks
- Kesemua pengaruh peradaban luar ini telah membentuk peradaban majmuk di Malaysia hari ini

world map of social networks



# Pembentukan Peradaban Majmuk



# Transformasi Sosial Ke Arah Peradaban Acuan Malaysia



Dari masyarakat majmuk, pelbagai etnik ke ketamadunan payung anak watan yang membina peradaban acuan Malaysia

# PEMBANGUNAN, MIGRASI DAN TEKNOLOGI

## A. Kemajuan melahirkan PERUBAHAN SOSIAL

- i. Dari pertanian sara hidup ke komersial-industri
- ii. Dari miskin ke kelas menengah
- iii. Dari perdesaan ke kosmopolitan

## B. Transformasi Sosial melahirkan KERENCAMAN SOSIAL berpaksikan BUDAYA MODERNITI DAN KEPELBAGAIAN

- i. Perkongsian nilai sejagat
- ii. Persamaan pendapat awam
- iii. Batas etnik nipis
- iv. Tingkah laku horizontal bukan vertikal; hubungan sosial rentas etnik dan agama



# IMPAK KERENCAMAN SOSIAL NORMA SEJAGAT

- **BUDAYA POLITIK BARU**

Kebebasan Bersuara, Berpersatuan, Akses Maklumat, Demokrasi, Penglibatan

- **NILAI POLITIK**

Amanah-Integriti, Keadilan, Akauntabiliti, Transparensi, Keterangkuman

- **ISU**

Rasuah, Salah Guna Kuasa, Keterangkuman Jentera Dan Dasar Awam, Tadbir Urus Baik, Federalisme



# Konsep Negara Bangsa

- Asasnya, istilah negara-bangsa merupakan gabungan dua dimensi utama, iaitu negara dan bangsa.
- Negara terbentuk dengan adanya tanah air, rakyat, kemerdekaan, kedaulatan, sempadan, kerajaan dan undang-undang.
- Semua elemen ini saling melengkapi serta mengesahkan tentang sistem kuasa dan autoriti.
- Abdul Rahman Embong (2001), konsep negara bangsa di Eropah bermula apabila lahirnya kelompok bangsa yang menentang kuasa feodal dan proses pembentukan sistem baru yang dipanggil kapitalis.
- Kejayaan kapitalis membolehkan mereka berkuasa dan membentuk sebuah negara moden yang mempunyai sempadan atau wilayah dan bangsa tertentu.
- Misalnya di Eropah, bangsa Inggeris muncul lebih awal sebelum bangsa Eropah dan negara England moden.
- Negara bangsa adalah di mana budaya majoriti rakyatnya memiliki kesedaran kesatuan identiti nasional, perkongsian budaya dan perkongsian sejarah yang sama dan bertindih dengan sempadan politik wilayah negaranya.
- Idealnya, sebuah negara bangsa memiliki hanya satu anak watan, satu kumpulan etnik dan satu tradisi budaya tanpa ada kumpulan lain.
- Negara bangsa adalah hanya satu idea di mana bangsa sama dan ditadbir urus oleh negara berdaulat mereka sendiri.
- Satu negara hanya mengandungi satu bangsa. Berikutan ini Benedict Anderson (1983) melalui konsep *imagined community* mengatakan pertembungan tentang bentuk negara bangsa akan dimuktamadkan dengan kemerdekaan di mana pelbagai bangsa itu menjadi satu bangsa seperti Indonesia.

# Konsep Negara Bangsa

- Moten dan Islam (2006: 67) - negara-bangsa sebagai sebuah institusi politik yang merujuk kepada sebuah negara yang dihuni oleh sekumpulan manusia yang memperkenalkan diri mereka sebagai sebuah bangsa atas landasan perkongsian budaya, sejarah, bahasa, etnisiti dan faktor-faktor lain.
- Penrose (2009) - negara-bangsa sebagai “...*a geopolitical entity whose legitimacy – claims to sovereignty and political power – is based on its capacity to represent a distinctive nation...*” (2009: 223).
- Godwindan Wahlke (1997) - negara bangsa sebagai, “... one nation in the area covered by the state to include most of the people who consider themselves part of that national culture”

# Pembentukan Negara Bangsa

- Apabila Malaysia diisytiharkan merdeka pada 31 Ogos 1957, apa yang lahir ialah sebuah negara dan bukannya sebuah bangsa (Abdul Rahman Embong, 2001).
- Apabila Malaysia terbentuk pada 16 September 1963, apa yang wujud ialah negara Malaysia dan bukannya bangsa Malaysia (Abdul Rahman Embong, 2001).
- Struktur sistem negara-bangsa memerlukan promosi kepentingan sendiri sahaja tanpa melibatkan kepentingan pihak lain (Moten & Islam 2006).
- Bagi aliran yang berfahaman liberal dan sosialis, negara-bangsa adalah satu usaha untuk membentuk kesetiaan dan ketaatan sivik yang sempurna, manakala bagi fahaman konservatif dan nasionalis pula, ia adalah berdasarkan kepada etnik atau satu bentuk perpaduan organik (Heywood 2000: 253).



# Pembentukan Negara Bangsa

1. Satu bangsa satu negara ( *one state one nation* )
  - Keadaan ini bertitik tolak daripada satu ras membentuk bangsa dan melahirkan satu negara.
  - Justeru, ia akan melahirkan sebuah negara bangsa. Sebagai contoh, bangsa Jepun membentuk negara Jepun, bangsa Jerman membentuk negara Jerman.
2. Bangsa tanpa negara ( *nation without state* )
  - Terdapat beberapa bangsa tanpa negara dan mereka menuntut bangsa mereka untuk bernegara dan mempunyai autonomi sendiri.
  - Misalnya, bangsa Melayu Patani di Selatan Thailand, mereka mempunyai identiti bangsa tersendiri tetapi negara dimiliki oleh orang-orang Thai.
  - Bangsa Kurdis yang bertapak di utara Iraq. Bangsa ini berjaya membentuk wilayah autonomi Kurdistan tetapi negara Kurdistan tidak diiktiraf dalam peta dunia.
3. Negara tanpa bangsa ( *state without nation* )
  - Senario ini berlaku apabila wujudnya sesebuah negara yang diperakui kedaulatannya, tetapi tidak jelas dari segi identiti bangsa yang dibina.
  - Kewujudan negara sebegini boleh dirujuk dalam konteks Malaysia. Malaysia lahir sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai jenis kumpulan etnik yang mengekalkan identiti masing-masing.
  - Satu Bangsa Malaysia masih belum terbina.

# Bentuk Negara Bangsa

- Setiap negara bangsa memiliki kumpulan etnik asal yang membina dinasti, empayar dan negara bangsa mereka.
- Namun begitu, dengan penghijrahan, perkembangan kapitalisme dan penjajahan, geo-politik negara telah mengalami perubahan melalui perjanjian dan penaklukan semenjak abad ke 16.
- Dalam pergolakan geo-politik dunia ini, dua bentuk negara bangsa dapat dikenal pasti, iaitu, negara bangsa tamu dan negara bangsa *settler* (Wimmer dan Feinstein 2010).
- Dalam negara bangsa tamu seperti Jerman, United Kingdom, Perancis, China, India, Thailand, Indonesia, Myanmar, Sri Lanka, Brunei, Filipina, Malaysia dan sebagainya, wilayahnya diduduki oleh kumpulan etnik asal (Karolewski dan Suszycki 2011).
- Hegemoni politik menjadi amalan adalah di mana anak watan diperakui dan diterima. Walaupun negara ini memiliki komuniti migran dari negara-negara lain, mereka akan bernaung di bawah payung anak watan di situ.
- Manakala dalam bentuk negara bangsa *settler* seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Singapura dan sebagainya, komuniti migran yang menduduki negara itu telah meminggirkan, meletak di tanah-tanah rezab dan ada yang menghapuskan anak-anak watan asalnya (Delora 1998, Wolfe 2006).
- Dengan pemilikan tanah, penguasaan ekonomi dan politik oleh komuniti *settler* ini, kedudukan anak watan tidak diperakui dan diterima dan hegemoni politik diganti dengan kumpulan etnik yang menguasai ekonomi dan politik seperti WASP, Anglo-Celtic, Perancis, Cina dsbnya.

# KONSEP NEGARA

- Negara merujuk pada sebuah masyarakat yang mendiami kawasan tertentu dan adanya kerajaan yang memerintah.
- Konsep negara adalah sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat, mentadbir urus ke atas satu wilayah yang diperakui oleh negara-negara lain (Ozkrimili 2017).
- Rakyat setiap negara diikat dengan tanah air, perlembagaan dan kerakyatannya.
- Elemen terpenting bagi negara ialah penduduk atau rakyat memandangkan rakyatlah yang mencorakkan negara.
- Rakyat juga yang akan membentuk bangsa bagi sesebuah negara.

- Marx (1818-1883) dan Weber (1864-1920) memperincikan ciri-ciri utama pembentukan sesebuah negara merangkumi adanya penduduk, sempadan, kerajaan dan kedaulatan (Moten & Islam 2006).
- Bagi Marx, “...*the state is the product of class contradictions and class struggle and is controlled by the economically-dominant class...*” (Moten dan Islam 2006: 64).
- Sementara itu bagi Weber, “...*the state is a human community that (successfully) claims the monopoly of the legitimate use of physical violence in a given territory...*” (Moten & Islam 2006: 64).
- Dahl (1983) yang terpengaruh dengan Weber mendefinisikan negara sebagai satu sistem politik yang didirikan oleh sekumpulan manusia yang menetap dalam sesebuah wilayah dan membentuk kerajaan sah yang memerintah wilayah tersebut.
- Giddens (1987) - negara sebagai sebuah organisasi politik yang berkuasa memerintah sesebuah wilayah tertentu dan boleh menggunakan pelbagai kaedah termasuk dengan cara kekerasan bagi mengekalkan sesuatu peraturan.

## Konsep Negara



# KONSEP NEGARA

- Sebuah negara menurut undang-undang antarabangsa haruslah mempunyai elemen-elemen berikut:






# Konsep Bangsa

- Daripada dimensi sejarah, istilah bangsa berasal dari perkataan Latin yang membawa maksud 'lahir'. Ia merujuk kepada tempat asal lahirnya seseorang individu yang membawa kepada pembentukan satu kumpulan besar manusia.
- Penggunaan istilah bangsa ini cukup meluas dan membawa makna yang rencam. Biasanya istilah bangsa digunakan untuk menjelaskan tentang sesebuah kumpulan etnik, bahasa dan kebudayaan komuniti (Moten & Islam 2006).
- Sekumpulan besar manusia membentuk sebuah bangsa biasanya melalui keterikatan hubungan darah dan keturunan (Mansor & Shamsul 2005), penggunaan bahasa yang sama, perkongsian tradisi dan sejarah (Moten & Islam 2006).
- Ada sesetengah sarjana melihat bangsa itu dalam konteks yang mempunyai kepentingan kaum dan etnografi (Moten & Islam 2006).
- Mereka berpandangan bahawa bangsa itu lahir daripada sekumpulan besar manusia yang bersatu melalui keturunan dan penggunaan bahasa yang sama, yakni dalam satu kelompok yang sama.
- Benedict Anderson pula mentakrifkan bangsa sebagai sebuah ' *imagined political community*' (Poole 1999).
- Penrose mendefinisikan bangsa sebagai "... *the largest self-defined collectivity of people whose members believe that they share some form of territorial association and that they are genealogically related...*" (Penrose 2009: 223).



# KONSEP BANGSA

- Bangsa merujuk pada sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan (Mahayuddin, 1998).
- Bangsa adalah satu kumpulan manusia yang diikat dalam satu unit kesedaran kolektif bersepadu berteraskan perkongsian etnik, budaya dan sejarah.
- Seringkali ikatan bangsa dikaitkan dengan pertalian darah, kekeluargaan, etnik, budaya, agama dan wilayah (Ozkrimili 2017).
- Walaupun wujud pelbagai perspektif, sentimen yang membentuk bangsa ialah perasaan kebersamaan atau '*belonging together*'.
- Oleh itu dapat dirumuskan bahawa bangsa adalah sekumpulan besar manusia yang mempunyai keterikatan melalui perasaan kekitaan bersama dalam sesebuah negara.



# KONSEP BANGSA

Satu kelompok manusia berdasarkan ciri fizikal iaitu ras dan keturunan.

Kaum – kumpulan etnik berdasarkan ciri budaya.

Satu komuniti politik dalam wilayah tertentu.



# Kewarganegaraan

- Kewarganegaraan adalah perihal warganegara, kerakyatan sesebuah negara
- Kewarganegaraan membawa maksud kerakyatan, rupa bangsa, bangsa seseorang (Zainal Abidin, 2003)
- Setiap negara mempunyai penduduk yang diiktiraf berdasarkan undang-undang negara berkenaan dan membentuk sebuah komuniti politik
- Ini bermakna kewarganegaraan adalah suatu bentuk kerakyatan atau kedudukan sah yang mengikat seseorang individu dengan negaranya
- Melalui kedudukan sah tersebut, seseorang warganegara mendapat perlindungan, hak-hak istimewa dan pelbagai lagi



# NARATIF NEGARA BANGSA MALAYSIA




- Sebuah negara etno berpasakkan anak watan dalam masyarakat kepelbagaian diintegrasikan di plantar perlembagaan dan tersulam ruang sivik dalam governan dan pembangunan dengan keadilan, keterangkuman dan demokrasi dalam membina negara bangsa Malaysia



# NEGARA BANGSA MALAYA-MALAYSI A INTEGRASI

- Hegemoni politik **memperakui dan menerima anak watandan** komuniti **migran diberikan kerakyatan** negara.
- Perlembagaan mencerminkan kenyataan sejarah panjang di mana Melayu, Islam, Bahasa Melayu, Raja dan AKTA 153 kedudukan Melayu dalam negara dijadikan **PASAK Perlembagaan**
- Minoriti lain diikat di **TAPAK INTEGRASI** di mana Yang DiPertuan Agong simbol perpaduan negara, Islam agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dalam aman dan damai, Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa perpaduan tetapi bahasa ibunda lain boleh dipelajari, dan AKTA 153 YDPA menjamin kepentingan minoriti lain.
- Apabila Malaysia dibentuk **krakyat Sabah dan Sarawak** diperakui sebagai Bumiputera dan dijadikan **sebahagian PASAK negara bangsa bersama Melayu**



# Pembinaan Negara Bangsa Assimilasi atau Integrasi




# Kepelbagaian Idea “Bangsa Idaman”

- Shamsul AB (1996) melalui konsep *nation of intent* berpendirian bahawa sebuah negara bangsa adalah *a project work in progress* dan sentiasa berlaku *contestation* bangsa dalam negara itu hingga yang wujud adalah negara tetapi bangsanya tidak terbina seperti di Malaysia.
- Di Malaysia, pembentukan bangsa terjadi dalam dua fasa iaitu sebelum dan selepas merdeka. Antaranya adalah konsep Melayu Raya yang digagaskan oleh pergerakan Kiri Melayu, konsep Negara Islam yang diperkenalkan oleh kelompok Islam, dan konsep masyarakat majmuk yang dipimpin oleh orang Melayu.
- Namun demikian, hanya konsep terakhir iaitu “Malay-led plural society” diterima oleh pihak British pada ketika itu. Hal ini dinatijahkan dengan terbentuknya CLC 1949 (Communities Liaison Committee 1949) yang diterima pakai sehingga kemerdekaan.
- Selepas negara ini mencapai kemerdekaan, wujud keinginan untuk melahirkan satu konsep kenegaraan yang kolektif atau identiti nasional sepunya.
- Impian ini antaranya telah melahirkan konsep Malaysian Malaysia yang popular ketika tahun 1960 (diperkenalkan oleh Lee Kuan Yew ketika Singapura berada dalam persekutuan Tanah Melayu) dan akhir 1990 (pada era pemerintahan Mahathir Mohamad).
- Selain daripada itu, pembangunan bangsa selepas merdeka turut melahirkan konsep-konsep lain seperti Wawasan 2020 dan Gagasan 1 Malaysia.
- Malah di Borneo, wujud konsep seperti Sabah for Sabahan, dan Sarawak for Sarawakian.
- Walau bagaimanapun menurut Shamsul, konsep-konsep yang wujud di Borneo ini dicetuskan oleh kelompok strategi internet dengan bantuan sosial media dan tidaklah popular dalam konteks yang lebih umum.
- Shamsul menegaskan bahawa, pembangunan bangsa pasca PRU14 tidak banyak mengalami perubahan. Kepimpinan Mahathir mengekalkan konsep “*Malay-led plural society*”. Dalam konteks hari ini, konsep bangsa idaman inilah yang diangkat oleh parti-parti politik seperti Bersatu, UMNO, dan PAS.
- Menurut beliau, dalam aspek hubungan kemasyarakatan di dalam konteks Malaysia Baharu ini, penekanan banyak diberikan kepada hubungan antara kaum atau “*inter-ethnic*” tetapi meminggirkan peri penting hubungan dalam kaum atau “*intra-ethnic*”.
- Kepelbagaian dan perbezaan yang wujud antara kaum di negara ini adalah sesuatu yang perlu diraikan. Namun, menurut Shamsul, kita sering melihat perbezaan-perbezaan ini dalam dikotomi yang negatif, bukannya positif. Perbezaan menjadi sesuatu yang perlu dilawan, bukannya disyukuri.





# MONI NEGARA BANGSA IDAMAN





# Etos Bangsa: Etnik, Nasionalisme dan Bangsa

- Perkataan etos ini telah mula digunakan sejak zaman Greek lagi, iaitu berasal daripada perkataan etika, sikap, keperibadian, watak, karakter, serta keyakinan atas sesuatu perkara (Mansor *et al.* 2006: 291), yang boleh dikatakan satu konsep umum tanpa definisi yang formal (Bar-Tal 2000).
- *The Oxford English Dictionary* (2000) - etos sebagai “...the characteristic spirit, prevalent tone of sentiment, of a people, or community...” (2000: 137).
- Mansor *et al.*, “...etos bermaksud pandangan hidup yang khas suatu golongan sosial yang didasarkan kepada sifat, nilai adat-istiadat yang memberi watak dalam masyarakat...” (2006: 291).
- Etzioni (2009: 336), - istilah etos bangsa merujuk kepada nilai-nilai khas, tradisi, identiti dan wawasan masa depan (atau takdir) sesebuah bangsa.
- Oren (2009: 2), etos bangsa adalah “... a particular configuration of central societal beliefs, attitudes and values, that are enduring and shared by most members of society and that focus on the society’s present and future...”.



# Etos Nasional

---

- Dalam konteks Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad (1992) telah mengemukakan etos bangsa sebagaimana berikut:
- Building a nation out of diverse people with differing historical, ethnic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared historical experiences, (2) shared values, (3) a feeling of common identity, (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment, and (7) an emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos.
- Etos nasional adalah 'ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain, dan yang mengikat rakyat dengan negara' melalui perkongsian nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan dan identiti bersama (Mohd Mahadee Ismail, 2015).





# Etos Symbolisme Bangsa Malaysia

- Walaupun konsep identiti nasional, kebangsaan dan etos bangsa dikaitkan dengan bangsa, mengukurnya adalah sulit dan hanya dapat dipantau bentuk dan intensitinya di negara itu.
- Setiap bangsa memiliki warisan etno-symbolisme dalam jangka pensejarahan panjang seperti bendera, bahasa, pakaian, makanan, muzik, tarian, arkitek bangunan, batu nisan, kerabat diraja, pahlawan, buku sekolah dan keselamatan negara, dan sebagainya sebagai asas bangsanya (Smith 2009, Mansor Akept 2017).

# GEPOLITIK NEGARA DAN PERUBAHAN POLITIK

- Pelbagai perpekstif tentang negara bangsa
- i. Sebelum merdeka kita bicara tentang negara bangsa
- Etnik Melayu: Ketuanan Melayu (UMNO), Daulah Islamiah (PAS), Malaya Raya (PSM); etnik Cina kerakyatan British dan juga Malaya; India balik India dan juga Malaya
- ii. Lepas merdeka kita banyak bicara isu-isu tentang pembangunan negara, Etnik Cina pendidikan Cina, kerakyatan, ekonomi
- iii. Pasca DEB
- Perbahasan dari PAP, DAP dan MCA kesamarataan dan pasaran
- DEB terjemahan AKTA 153 dalam dasar awam. BN & UMNO Pertumbuhan ekonomi diagihkan.
- iv. 1990- Tun M dan GERAKAN Bangsa Malaysia, DSNajib 1Malaysia, DAP Middle Malaysia, PAS Daulah Malaysia
- iv. PH 2018 Malaysian Malaysia. Kesamarataan, kebebasan, hak asasi, multikulturalisme



# KESIMPULAN



- Peradaban majmuk – gabungan atau campuran pelbagai bentuk peradaban yang menyerap masuk ke dalam peradaban Melayu
- Negara – penduduk, wilayah, kerajaan dan kedaulatan
- Bangsa – satu kelompok manusia, satu ikatan ketatanegaran, komuniti politik
- Negara-bangsa - majoriti rakyatnya memiliki kesedaran kesatuan identiti nasional, perkongsian budaya dan perkongsian sejarah yang sama dan bertindih dengan sempadan politik wilayah negaranya.
- Negara bangsa idaman - *Malay-led plural society*
- Etos nasional - ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat individu



# KESIMPULAN

- Pra Penjajah - Peradaban majmuk
- Penjajahan - Masyarakat Majmuk
- Pasca Kolonial
  - i. Masyarakat majmuk
  - ii. Tahun 2000 ke atas Masyarakat Kepelbagaian: Kerencaman sosial, Batas etnik nipis, hubungan horizontal buka berdasar dimensi etnik & agama
- Peradaban Acuan Malaysia
  - i. Pribumi Melayu + peradaban Asia, timur Tenah & Barat
  - ii. Melayu, Sabah, Sarawak dan Islam
  - iii. Etnik-etnik lain
  - iv. Peradaban kacukan global
- An ethno-nation that is influenced by different civilisation influences and embedded with civic ethics through democratic, good governance, social justice and inclusive development practised.

# RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2001. Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hippler, J. 2005. Violent conflict, conflict prevention and nation-building – terminology and political concepts. Dlm. Hippler, J. (pnyt.). Nation-building: A Key Concept for Peaceful Conflict Transformation? London: Pluto Press.
- Mansor Mohd Noor & Shamsul Amri Baharuddin. 2005. Transformasi perhubungan etnik di Malaysia. Dlm. Mansor Mohd Noor (pnyt.). Integrasi Etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam, hlm. 17-27. Monograf 6. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Mansor Mohd Noor & Shamsul Amri Baharuddin. 2009. Etnik, Negara-Bangsa dan Perpaduan di Malaysia. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2002. Managing ethnicity and constructing the 'Bangsa Malaysia' (A united Malaysian nation). Malaysian Management Journal 6(1&2): 99-115.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2014. The Politics of Bangsa Malaysia: Nation-Building in a Multiethnic Society. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Mahadee Ismail, Zaini Othman, Nor Azlili Hassan, Nor Hafizah Abdullah, Azlina Abdullah & Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan. 2019. Nation-building Among Youths in Malaysia: The Civic Education Approach. Journal of Nusantara, 4(2): 390-409.
- Mohd Mahadee Ismail. 2015. Pendidikan Sivik dan Pembinaan Etos Nasional dalam kalangan Alumni Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Kajian ke atas Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM). PhD Theses, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri Muslim, Mohd Mahadee Ismail & Azizah Ya'acob. 2016. Persepsi Belia Terhadap Etos Bangsa: Kajian di Lembah Kelang. International Journal of the Malay World and Civilization (IMAN), 4(3) 23-39.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Shamsul Amri Baharuddin, Mustafa Omar & Mansor Mohd. Noor. 2004. Identiti nasional dan etos bangsa. Dewan Budaya 26(8): 9-13.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1992. Malaysia in 2020, one state many nations?: Observing Malaysia from Australia. Bangi: Department of Anthropology & Sociology Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1996. Nation-of-intent in Malaysia. Dlm. Tonnesson, S. & Antlov, H. (pnyt.). Asian Forms of the Nation, hlm. 323-347. Surrey, London: Curzon Press.

# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MODUL DAN VIDEO MODUL PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA-UKM)

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin  
(KITA-UKM)

Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (KITA-UKM)

Prof. Madya Dr. Fazilah Idris (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Nazri Muslim (PUSAT CITRA-UKM)

Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (SMMTC-UUM)

Prof. Madya Dr. Dr. Shamrahayu Ab Aziz (UIAM)

Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail (UPM)

Dr. Hairol Anuar Mak Din (KUIS)

Dr. Nur Azlili Hasan (UTAR)

Ahmad Zul Hakimi Hassim (KITA-UKM)